

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SAU 209 -Perhubungan Etnik Dan Ras

Tarikh : 11 April 1988

Masa : 2.15 petang - 5.15 petang
[3 jam]

Jawab DUA (2) soalan dari Bahagian A, dan TIGA (3) soalan dari Bahagian B.

Jumlah soalan yang mesti dijawab: LIMA (5)
(Semua soalan mengandungi markah yang sama)

Bahagian A

Jawab DUA soalan. Soalan 1 MESTI dijawab, dan pilih SATU soalan lain.

1. Pilih EMPAT (4) konsep berikut dan berikan huraian ringkas mengikut penggunaannya di dalam teori-teori hubungan kaum.
 - [a] Assimilasi
 - [b] Teori "successive migration" Park dan Burgess
 - [c] Apartheid
 - [d] Masyarakat "heterogenous"
 - [e] Racisme
 - [f] Polarisasi Kaum (racial polarization)
 - [g] Pluralisme Budaya (cultural pluralism)

2. Nyatakan ciri-ciri kumpulan sosial dan bincangkan SAMA ADA "kumpulan etnik" boleh dianggap sebagai "kumpulan sosial" sebenar.

3. Mengikuti setengah pihak, "keetnikan" dianggap sebagai "kesedaran palsu". Apakah asas yang diberikan dalam memperkatakan demikian. Nyatakan kritikan, jika anda tidak setuju dengan pendapat sedemikian.

4. Sepanjang kursus ini kita telah pastikan sekurang-kurangnya TIGA (3) paradigma penting yang mempengaruhi pendekatan dalam kajian hubungan ras. Paradigma ini ialah fungsional-kestrukturan, konflik dan tingkah-laku.

Nyatakan bagaimana paradigma-paradigma ini digunakan untuk mengkaji keetnikan.

5. Beri huraian tentang konsep "situasi kolonial" dan nyatakan bagaimana ianya mampu (atau tidak mampu) menerangkan keadaan hubungan dalam mana-mana kaum masyarakat tertentu.

Bahagian B

Soalan 6 MESTI dijawab dan pilih DUA (2) soalan lain.

6. [a] Berikan ciri-ciri sosial yang menunjukkan sama ada polarisasi kaum makin meningkat atau tidak di Malaysia,

DAN

[b] Berikan penerangan tentang proses bagaimana polarisasi berlaku.

7. Di kalangan pengkaji-pengkaji pergerakan sosial, ada yang berpendapat bahawa pergerakan pembebasan/perpisahan (sapatist movement) di kebanyakan negara-negara di dunia berpunca dari isu-isu ras dan keetnikan.

Berikan penerangan tentang SATU pergerakan pembebasan atau perpisahan di negara-negara di bawah DAN nyatakan faktor-faktor keetnikan atau racisme yang mempengaruhi pembentukan gerakan tersebut:

- [i] Pergerakan Pembebasan Tamil Elam di Sri Lanka
- [ii] Pergerakan Perpisahan Punjab di India
- [iii] Pergerakan Pembebasan MORO di Filipina
- [iv] Pergerakan Pembebasan Patani di Thailand

8. Bandingkan kemajmukan di Malaysia dengan satu negara lain di Asia.
9. "Masalah perkauman di Malaysia ialah warisan dari sejarah penjajahan." Bincangkan.
10. Setengah pengkaji kebangkitan pergerakan agama fundamentalis (religious fundamentalism) di kalangan kaum-kaum utama di Malaysia mencerminkan krisis identiti etnik.

Bincang dengan kritikal pendapat tersebut dengan memberi contoh-contoh tertentu dari mana-mana satu kumpulan etnik di Malaysia.

- oooOooo -